



## **DAKWAH MELALUI MUZIK DAN NYANYIAN: SATU PERBINCANGAN**

**AHMAD SHARIFUDDIN MUSTAPHA  
MOHD ZAIN MUBARAK**

**SEMINAR SERANTAU DAKWAH DAN KESENIAN  
7 – 8 OGOS 2006  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## **DAKWAH MELALUI MUZIK DAN NYANYIAN; SUATU PERBINCANGAN\***

**Ahmad Sharifuddin bin Mustapha &  
Mohd. Zain b. Mubarak,  
KuitTHO**

### **Pendahuluan**

Islam merupakan agama yang sesuai dengan fitrah dan mencakupi segala aspek yang berkaitan dengan panduan dan pegangan kehidupan manusia. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Ma'idadah ayat 3 yang *bermaksud* "Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmatKu, dan telah Aku redha Islam itu menjadi agama bagimu".

Antara tuntutan agama yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam ialah dakwah. Ini adalah kerana dakwah itu merupakan satu keperluan bagi manusia seluruhnya. (Ab.Aziz Mohd Zain:1999) Salah satu *medium* yang paling popular dalam memenuhi tuntutan tersebut adalah hiburan melalui muzik dan nyanyian. Namun hukum dan batasan yang jelas terhadap muzik dan nyanyian masih menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat Islam.

Al-Quran sebagai sumber hukum yang utama tidak menyebut secara jelas mengenai hukum muzik dan nyanyian. Ia hanya dinyatakan dalam beberapa buah hadith Rasulullah s.a.w. Ini menimbulkan perselisihan pendapat di kalangan ulama sejak dahulu dan berlarutan dalam masyarakat Islam sehingga kini.

### **Takrif Dakwah**

Muhammad al-Ghazali menjelaskan maksud dakwah sebagai satu program yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.(Al-Ghazali : 1981)

Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menerangkan pengertian dakwah, antaranya adalah ayat yang bermaksud:

*Serulah (manusia) kepada jalan tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik, dan berbincanglah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.* ( al-Nahl: 125)

### **Metod Dakwah**

Metod merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran untuk menerimanya. Sesuatu pengajaran walaupun baik, susah untuk diterima oleh sasaran jika cara penyampaiannya tidak berkesan.(Ab.Aziz Mohd Zain: 1991) Asas metod dakwah ialah sebagaimana berikut:

1. Penjelasan yang nyata dan jelas.
2. Berperingkat-peringkat.
3. Mudah.
4. Menjinakkan.
5. Adanya sebab di sebalik sesuatu suruhan atau larangan.
6. Bersesuaian dengan keadaan sasaran. (Ab.Aziz Mohd Zain: 1999)

\* Kertas ini dibentangkan di Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan pada 7-8 Ogos 2006 di Bilik Senat, UKM.

### Dakwah Menggunakan muzik

Memang sifat semula jadi manusia gemar kepada muzik. Hiburan diperlukan oleh setiap manusia sebagai santapan jiwa. Allah menciptakan burung-burung yang berkicau merdu, desiran angin dipantai, percikan air terjun. Meskipun begitu, berhibur sambil mengingati Allah adalah lebih utama.

Muzik sufi yang terdapat di Mesir, Iraq dan Turki dapat mengingatkan kita kepada Allah. Kumpulan Raihan sebagai contohnya mendendangkan irama Syahadah '*'Asyhadu alla ilaha illaAllah wa asyhadu anna muhammadarrasulullah'*'. Lagu sufi telah menarik jutaan manusia termasuk bukan Islam. Hati yang gersang terusik melalui dakwah yang disampaikan oleh melalui muzik sufi, begitu juga dengan lagu *Allahu Allahu* oleh Nusrat Fateh Ali Khan, penyanyi dari Pakistan yang dinyanyikan semula oleh kumpulan Raihan.

Sunan Kalijaga, ulama besar Indonesia, satu daripada wali sembilan dan yang paling terkenal kerana cintanya kepada muzik dan budaya. Sunan Kalijaga adalah orang yang mencipta '*tembang dandang, gula den dandang, semarangan*' dimana nada dan iramanya adalah gabungan antara melodi arab dan jawa. Rakyat Jawa yang pada masa tersebut masih banyak menganut kepercayaan lama didekati dengan cara halus, seni muzik dan seni suara selain wayang kulit. Rakyat menerima kedatangan mereka dengan senang yang menyebabkan Islam mula tersebar di nusantara. Kebijaksanaan Wali Songo dalam memanfaatkan hiburan kesenian rakyat untuk berdakwah boleh dijadikan contoh oleh pendakwah-pendakwah di Malaysia.

### Pandangan Ulama Mengenai Hukum Muzik dan Nyanyian

#### 1. Pendapat Yang Mengharamkan

Ulama salaf<sup>1</sup> seperti Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Malik, Imam al-Syafie dan ulama khalaif<sup>2</sup> seperti Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (al-Jawziyah.1992) dan Muhammad Nasiruddin al-Albaniy berpendapat bahawa hukum muzik dan nyanyian adalah haram. Pandangan mereka berdasarkan kepada al-Quran dalam surah Luqman ayat 6 yang bermaksud;

*"Dan ada di antara manusia, orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna untuk menyesatkan (manusia) dari agama Allah tanpa pengetahuan, dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan, merekalah orang yang beroleh azab yang menghina"*

Mereka juga berpegang kepada hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Shawkaniy (al-Shawkaniy.1993) yang bermaksud;

*"Sesungguhnya akan ada sebahagian dari kalangan umatku yang menghalalkan zina, sutera (bagi lelaki) arak dan muzik. Dan beberapa golongan akan pergi ke tepi bukit yang tinggi kemudian dikunjungi oleh gembala-gembala kambing dengan temakan kerana satu tujuan, maka mereka berkata; Datanglah kepada kami esok hari. Pada malamnya Allah binasakan mereka dan menghempapkan bukit itu ke atas mereka. Manakala yang terselamat dari hamparan bukit Allah tukarkan rupa mereka menjadi monyet dan babi sehingga hari kiamat"*

Golongan ini berpendapat bahawa "*lahw al-hadith*" atau yang diterjemahkan sebagai perkataan yang tidak berguna itu bermakna muzik dan nyanyian kerana ianya boleh melalaikan manusia daripada mengingati Allah. (Ibn Qayyim.1992). Manakala perkataan "*al-Ma'azif*"<sup>3</sup> dalam hadith di atas yang diterjemahkan sebagai muzik adalah bermaksud alat muzik oleh Ibn Arabiy, manakala al-Qurtubiy mengatakan ianya adalah nyanyian (al-Shawkaniy.1993)

<sup>1</sup> Ulama yang hidup sehingga akhir kurun ketiga atau awal kurun keempat dari kalangan sahabat, taabi'iin dan taabi' tabi'in.

<sup>2</sup> Juga disebut sebagai ulama *mutaakhirin* iaitu generasi selepas ulama salaf.

<sup>3</sup> *Al-Ma'azif* adalah alat muzik yang berasaskan petikan tali dan *al-Mizmar* pula berasaskan tiupan. Peralatan muzik ini adalah haram menurut kebanyakain ulama. Manakala *al-Duf* pula sejenis gendang atau kompong yang diharuskan.

## 2. Pendapat Yang Mengharuskan

Antara ulama yang mengharuskan muzik dan nyanyian ialah Ibn Hazm, al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi. Mereka ini memberikan pentafsiran yang berbeza terhadap dalil yang digunakan oleh golongan yang mengharamkan muzik dan nyanyian.

Ibn Hazm mentafsirkan perkataan yang tidak berguna itu adalah perkataan kasar yang bermaksud mencela atau memaki dan bukannya bermaksud nyanyian. Orang yang berniat menikmati nyanyian untuk melakukan maksiat dan melalaikan adalah berdosa. Sebaliknya jika diniatkan untuk memberi ketenangan dan dapat membantu ke arah ketaatan kepada Allah maka ianya diharuskan (Ibn Hazm. T.t). Begitu juga dengan perbuatan lain di mana semuanya bergantung kepada niat. Ini berdasarkan kepada hadith riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud "*Sesungguhnya setiap kerja yang dilakukan itu adalah bergantung kepada tujuan dan niat perbuatannya....*"

Walau bagaimanapun perlu difahami bahawa dalam Islam niat tidak menghalalkan cara. Justeru itu, hiburan, nyanyian atau pun muzik dalam Islam adalah jelas tertakluk kepada ketetapan syarak seperti batasan aurat, pergaulan dan seumpamanya.

## Persoalan Muzik dan Nyanyian Dalam Berdakwah<sup>4</sup>

Islam sama sekali tidak mengharamkan hiburan, kerana ia merupakan salah satu keperluan naluri manusia seperti yang dinyatakan di atas. Namun persoalannya apakah bentuk muzik atau nyanyian masa kini menepati syariat Islam dan boleh digunakan untuk berdakwah. Permasalahan ini perlu dilihat kepada beberapa aspek yang berkaitan iaitu instrumen muzik, lirik, penyanyi dan juga persekitaran bagi mendapat gambaran yang jelas mengenai bentuk nyanyian yang diharuskan dalam Islam.

### 1. Instrumen Muzik

Merujuk kepada perbahasan ulama fiqh klasik, sebahagian besar instrumen muzik yang wujud pada hari ini adalah haram. Walau bagaimanapun, pendapat mereka ini adalah berdasarkan kepada budaya masyarakat dan pemikiran ulama pada masa itu, di mana instrumen tersebut biasanya dimainkan di dalam sesuatu majlis maksiat yang melibatkan minuman keras dan pelayan wanita yang tidak sopan serta melanggar batas syarak. Ini telah mewujudkan suatu tanggapan bahawa peralatan muzik tersebut adalah haram.

Salah satu kaedah fiqh iaitu "*al-Asl fi al-Ashya' al-Ibahah*" yang bermaksud "Setiap sesuatu itu hukum asalnya adalah harus" boleh dijadikan sandaran bahawa semua instrumen muzik itu hukumnya adalah harus. Ianya boleh berubah menjadi makruh atau haram bergantung kepada tujuannya. Berdasarkan kaedah ini, instrumen muzik bukanlah sesuatu yang penting dalam menentukan hukum nyanyian dalam Islam.

### 2. Lirik

Boleh dikatakan kebanyakkan lirik lagu yang sering diperdengarkan dan diminati ramai adalah berorientasikan cinta dan wanita. Ianya tidak bertepatan dengan tuntutan Islam yang menganjurkan supaya mendengar serta menghayati lirik lagu yang boleh memberi nasihat, bimbingan dan peringatan terhadap peranan dan kedudukan manusia di sisi Allah s.w.t. Antara contoh beberapa buah lagu selain nasyid yang mempunyai elemen ketuhanan dan nasihat berguna seperti *Anugerah* oleh Wings dan Raihan, *Perjalanan Hidup* oleh Ramli Sarip, *Tetamu Senja* oleh Kopratas, *Lasykar Cinta* oleh Dewa 19 dan *Tanya Sama Itu Hud Hud* oleh M Nasir yang mempunyai mesej dakwah yang cukup baik kepada pendengar. Bahkan lagu-lagu Heavy Metal pun ada yang mempunyai lirik yang baik. Perhatikan lirik lagu dari kumpulan D'Cromok "*In the name of Allah with most merciful*" dalam lagu *Malik bin Dinar*. Begitu juga lirik lagu *Huzaifah Ibnu Yaman*. Perhatikan juga lirik lagu nyanyian Rahimah Rahim, *Selawat serta salam, buat Nabi*

<sup>4</sup> Petikan artikel Wacana Islam dalam akhbar Utusan Malaysia bertajuk *Konsep Hiburan Berdimensi Islam* oleh Mohd. Zain b. Mubarok bertarikh 3 November 2005.

*junjungan kepada muslimin dan muslimat, ya Allah ya Tuhanku aku memohon darimu berikanlah ku hidayah yang berkonsepkan slow rock. Ini bermakna bukan lagu-lagu nasyid sahaja yang boleh dijadikan medium untuk berdakwah.*

### 3. Penyanyi dan Penampilan

Penyanyi menjadi pujaan daripada golongan kecil sampai dewasa. Mereka sering menjadi perhatian dan mendapat kedudukan yang istimewa di hati peminat dan masyarakat. Seorang penyanyi haruslah boleh membimbang dan menjadi *role model* yang baik kepada masyarakat khususnya generasi muda, penyanyi yang faham tentang batas-batas agama dan mengaplikasikannya dalam kehidupan.

Pakaian dan penampilan penyanyi khususnya wanita perlu menepati batasan syarak. Islam menerima perkembangan fesyen dan perhiasan, asalkan tidak melanggar batasan syarak. Imej yang agak seksi dan menggoda tidak mencerminkan anutan agama Islam dan budaya ketimuran. Soal aurat dalam Islam tidak ada kompromi, bagi mengharuskan nyanyian atau persembahan, kewajipan menutup aurat adalah penting. Begitu juga persembahan dan pergaulan antara artis lelaki dan wanita perlu ada batasan. Sebarang bentuk sentuhan, pelukan dan geselan mesti dielakkan.

### 4. Persekutaran dan Pelaksanaan

Aspek persekitaran juga menjadi kayu pengukur bagi mengharuskan sesuatu persembahan atau konsert. Kedudukan penonton yang diasingkan antara lelaki dan wanita serta yang berkeluarga adalah sangat baik dan bertepatan dengan budaya Islam. Ini dapat membantu mengelakkan berlakunya sebarang bentuk maksiat serta pergaulan bebas sewaktu konsert berlangsung. Keadaan bersesak-sesak dan melompat menari antara lelaki dan wanita adalah salah di sisi agama. Sekalipun sesuatu konsert itu dalam bentuk amal atau dipersembahkan dengan agak sopan oleh artis di atas pentas namun keadaan penonton juga perlu dalam keadaan sopan dan beradab. Kesesuaian waktu dan kemudahan tempat juga penting supaya penonton tidak mengabaikan tanggungjawab mereka untuk menuaikan solat.

### Muzik dan Nyanyian Salah Satu Cabang Kesenian

Menurut Yusuf al-Qaradhawi, muzik dan nyanyian adalah tergolong dalam salah satu cabang seni dan telah membincangkannya dengan panjang lebar dalam bukunya yang berjudul "al-Islam wa al-Fann" ataupun Islam dan Kesenian. Beliau menggambarkan kesenian muzik dan nyanyian itu seperti nilai kesenian terhadap lukisan, pemandangan serta bunyian alam semula jadi yang boleh menyenangkan hati dan perasaan manusia apabila melihat atau mendengarnya. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah pandangan beliau tersebut lebih cenderung dalam mengharuskan muzik dan nyanyian asalkan ianya terpelihara daripada unsur maksiat dan elemen yang bertentangan dengan syarak.

Kehidupan seharian umat Islam sebenarnya sentiasa berhubung kait dengan kesenian melalui pendengaran dan penghayatannya. Bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan lagu, tajwid dan suara dengan seindah-indahnya oleh qari terbaik, suara azan diperdengarkan dengan lunak dan mendayu lima kali sehari merupakan warisan semenjak zaman kenabian. Sementara itu doa-doa pula dibaca dengan alunan suara yang menggetarkan hati dan perasaan orang yang mendengarnya. (Yusuf al-Qaradhawi.1996)

Seni merupakan alat untuk mencapai sesuatu tujuan, maka hukumnya seiring dengan hukum tujuannya. Jika digunakan untuk tujuan yang harus melalui kaedah yang betul, hukumnya adalah harus, dan jika digunakan melalui pendekatan yang bercanggah dengan syarak atau tujuan yang haram, maka haramlah hukumnya. Sebagai contoh jika digunakan untuk berdakwah, hukumnya adalah harus.

### Kesimpulan

Hiburan melalui muzik dan nyanyian adalah merupakan sesuatu yang tidak mungkin dapat dipisahkan daripada kehidupan. Ianya telah menjadi salah satu *medium* penting dalam pembentukan budaya hidup dan minda golongan muda sebagai generasi pelapis kepimpinan negara. Apa yang dijelaskan dalam penulisan ini bukan bertujuan untuk menghalalkan sesuatu yang haram atau cenderung kepada unsur maksiat. Namun pengaruh dan realiti semasa yang menyelubungi penghayatan dan amalan masyarakat terhadap muzik dan nyanyian perlu disuntik dengan kefahaman yang sebenar mengenai konsep hiburan yang dibenarkan dalam Islam khususnya kepada golongan muda.

Sebagai masyarakat Melayu yang telah sinonim dengan Islam sebenarnya mampu untuk mengaplikasikan ajarannya dalam segenap aspek kehidupan kita termasuklah hiburan. Masyarakat, artis, wartawan dan pihak terbabit sememangnya boleh berganding bahu dan bersama-sama mengorak langkah ke arah mewujudkan suatu budaya hiburan melalui muzik dan nyanyian yang lebih positif dan menggunakan sebaik mungkin sebagai satu medium untuk berdakwah. Cabaran serta halangan ke arah pelaksanaan tersebut adalah merupakan ujian daripada Allah untuk melihat sejauh mana komitmen dan kesungguhan kita dalam menghayati dan mengamalkan suruhan dan menjauhi laranganNya.

### Rujukan

- Ab.Aziz bin Mohd Zin. 1991. *Syahadah Ibadah Asabiah Dakwah*. Petaling Jaya: Tempo Publishing
- Al-Shawkaniy. 1993. *Nayl al-Awtor. Bab ma Ja'a fi Alat al-Lahw*. Jil. 8. al-Qaherah. Dar al-Hadith.
- Ibn Hazm. T.t. *al-Muhalla*. Jil. 9. Beirut. al-Maktab al-Tijariy li al-Tawzi' wa al-Nasyr.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah.1992. *Ighothah al-Luhfan min Masayid al-Shayatin*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Jabatan Mufti Kerajaan. 2001. *Islam dan Muzik; Fatwa Kerajaan Brunei Darussalam*. Cet. Ke 2. Kuala Lumpur, MR Print Sdn. Bhd.
- Mohd. Zain b. Mubarak. *Konsep Hiburan Berdimensi Islam; Utusan Malaysia*. 3hb. November 2005.
- Muhammad al-Ghazali. 1981. *Ma'aAllah* . Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.
- Sidi Gazalba, Zainab Ismail. 1995. *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf al-Qaradhawi.1996. *al-Islam wa al-Fann*. al-Qaherah. Matba'ah al-Madaniy.